

21 JUL 2000

Thailand-Mahathir/I

AKHBAR THAILAND PUJI DR MAHATHIR

Oleh: R.Ravichandran

BANGKOK, 21 Julai (Bernama) -- Sebuah akhbar harian Thailand "Naew Na" telah memuji Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan berkata bahawa Malaysia boleh menjadi model bagi Thailand.

Ini terkandung dalam satu lidah pengarang oleh akhbar Naew Na yang berpejabat di Bangkok, dipetik oleh Bangkok Post dan disiarkan dalam edisinya hari ini.

Di bawah tajuk "Malaysia boleh menjadi model kita", lidah pengarang itu menyebut bahawa Dr Mahathir yang berazam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mantap dan berdikari sentiasa menggesa rakyat Malaysia supaya berbangga dengan diri mereka sendiri dan tidak menganggap diri mereka kerdil berbanding orang di Barat.

"Beliau mahu Malaysia untuk berdiri sendiri dan setaraf dengan rakan-rakan mereka di Barat," menurut akhbar itu.

Lidah pengarang itu berkata bahawa untuk merealisasikan objektifnya, Dr Mahathir telah memperkemas perkhidmatan awam, mengambil tindakan tegas terhadap rasuah dan menggerakkan rakyat yang berkebolehan dan bahan untuk membangunkan negara.

"Malaysia kini mendahului Thailand daripada segi pembangunan," menurut lidah pengarang itu.

Lidah pengarang itu juga menyebut "Susah sangat ke untuk meminta para pemimpin politik Thailand untuk belajar sesuatu dari Malaysia?"

Agak sukar untuk mendapatkan ahli politik Thailand yang benar-benar berdedikasi untuk kemajuan negara ini.

Lidah pengarang itu menyebut bahawa ahli-ahli politik Thailand hanya mahu berada di dalam kerajaan agar mereka dapat berkuasa dan mengumpul kekayaan.

-- BERNAMA

RV AKD